



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	14 OGOS 2023	MUKA SURAT	: 32
JABATAN	:	PERHILITAN, NWRC		

Harimau kumbang masuk perangkap

SUNGAI SIPUT - Seekor harimau kumbang jantan berjaya ditangkap dalam tempoh 24 jam selepas Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Perak memasang perangkap di Perlop 5 di sini pada Ahad.

Pengarah Perhilitan Perak, Yusoff Shariff berkata, perangkap bersama umpan anak kambing itu dipasang selepas menerima aduan penduduk mengenai kehadiran mamalia itu pada Sabtu.

"Kita menerima aduan binatang ternakan milik penduduk dibaham harimau pada Sabtu dan kita terus hantar pasukan untuk pasang perangkap di lokasi kejadian.

"Harimau kumbang berkenaan dipercayai memasuki perangkap awal pagi dan anggota Perhilitan yang menerima



YUSOFF

maklumat digerakkan untuk memeriksa perangkap tersebut," katanya ketika dihubungi di sini.

Menurut Yusoff, harimau kumbang dianggarkan berusia sembilan tahun dengan berat lebih 40 kilogram itu berada dalam keadaan sihat.

"Kita telah panggil pihak veterinar dan Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC) untuk melakukan pemeriksaan kesihatan.

"Operasi menyelamat dan melepaskan akan dijalankan di lokasi sesuai jauh dari penempatan manusia selepas harimau itu disahkan dalam keadaan baik," katanya.

Tambah Yusoff, pihaknya telah menyelamatkan empat harimau kumbang iaitu dua ekor di Gerik dan Sungai Siput tahun ini daripada diancam kepupusan.

FOTO: IHSAN PEMBACA



Seekor harimau kumbang jantan yang masuk perangkap dipasang Perhilitan Perak di Kampung Bawong, Sungai Siput pada Ahad.

SH140823_32